

## BULETIN 5S PUSAT KESIHATAN

EDARAN DALAMAN SAHAJA

### GOTONG ROYONG PERDANA PUSAT KESIHATAN SIRI 2

Pada hari Jumaat 17 Jun 2011, aktiviti Gotong-royong kali ke dua untuk tahun 2011 telah diadakan. Tujuan gotong royong kali ke dua ini dilaksanakan ialah untuk memastikan persediaan di semua kawasan Pusat Kesihatan bagi tujuan Pensijilan 5S benar-benar mantap. Mengikut perancangan asal, gotong royong ini sepatutnya dilaksanakan pada minggu ke empat bulan Jun tetapi ianya perlu dipercepatkan memandangkan kesibukan sebahagian besar staf Pusat Kesihatan pada minggu tersebut dengan pelbagai aktiviti antaranya aktiviti Konvensyen KIK Wilayah Timur di Kuala Terengganu

Aktiviti gotong-royong kali ini lebih tertumpu kepada penambahbaikan di bahagian dalam bangunan Pusat Kesihatan. Aktiviti gotong royong kali ini telah dijalankan dengan bersungguh-sungguh oleh semua staf. Hampir semua staf telah melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sisih, susun, sapu dan seragam kecuali yang perlu bertugas memberi perkhidmatan kepada pelanggan. Perkhidmatan rawatan pesakit masih berjalan seperti biasa dan tidak terjejas walaupun gotong royong ini melibatkan sebahagian besar staf Pusat Kesihatan.

Hasil dan keberkesanan aktiviti gotong-royong kali ini dapat dilihat melalui hasil dapatan audit dalam pada 16hb Jun 2011 di mana kesemua kumpulan telah berjaya melepassi markah 70% iaitu markah minima untuk pensijilan. Semoga segala usaha kita semua akan membawa hasil dan beroleh kejayaan dalam mendapatkan pensijilan 5S ini, insyaallah.



Ucapan Aluan oleh Pengurus Jawatankuasa Promosi 5S, Dr Adibah Mokhtar



Wakil Pengurusan 5S, Dr Hasanah Bahar memberi kata-kata semangat sebelum gotong royong bermula



Semangat kekitaan: Staf bersama-sama membuat lebihan plastik di bawah kerusi Bilik Mesyuarat



Gotong royong menyiapkan label kabinet ubat di Farmasi

## CERAMAH AGAMA: KEBERSIHAN DAN AMALAN 5S MENURUT ISLAM

Ceramah agama khas dengan tajuk yang berkait secara langsung dengan amalan 5S telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pusat Kesihatan pada 14 Jun 2011. Ceramah telah disampaikan oleh Ustaz Takiyuddin Ibrahim, Pensyarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), UiTM. Pada ceramah kali ini, Ustaz Takiyuddin telah memberi penerangan tentang konsep kebersihan dalam Islam dan menerangkan hubungkaitnya dengan amalan 5S. Dengan adanya sesi ceramah ini, insyaallah kakitangan Pusat Kesihatan akan lebih tekun dan ikhlas dalam membantu proses pensijilan 5S ini oleh kerana apa yang mereka sedang lakukan ini merupakan amalan baik yang juga merupakan ibadat yang akan diberikan ganjaran dari-Nya.



Ceramah oleh Ustaz Takiyuddin



Peserta tekun mendengar ceramah



Sesi perbincangan dan soal jawab

## MESYUARAT KAJI SEMULA PENGURUSAN (MKSP) KHAS

Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) Khas Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah diadakan pada 20 Jun 2011 bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Kesihatan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Y Bhg. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said, Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UiTM. Mesyuarat ini juga telah dihadiri oleh Pengurusan tertinggi HEPA dan turut dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Pemandu 5S Pusat Kesihatan. Tujuan MKSP ini diadakan ialah untuk Pengurusan Tertinggi HEPA memastikan Pusat Kesihatan telah bersedia untuk audit Pensijilan 5S dari MPC (Malaysian Productivity Centre). MKSP juga perlu diadakan untuk memenuhi salah satu syarat pensijilan 5S. Dalam mesyuarat ini, pengurus telah melahirkan rasa keyakinan yang Pusat Kesihatan mampu melaksanakan dan memenuhi semua syarat pensijilan yang telah ditetapkan bagi tujuan pensijilan 5S ini.



MKSP dipengerusikan oleh Y Bhg. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said, Timbalan Naib Canselor HEPA




Kesemua pengurusan tertinggi HEPA hadir dalam MKSP khas ini



Ahli Jawatankuasa Pemandu yang turut hadir


## HASIL AUDIT DALAM 5S/QE PUSAT KESIHATAN

Jawatankuasa Audit telah melakukan audit dalaman sebanyak enam kali sepanjang bulan April - Jun 2011. Markah minimum ialah 70 % untuk mendapatkan pensijilan. Graf ini menunjukkan pada audit kali ke empat iaitu pada 16 Jun 2011, kesemua kumpulan telah berjaya melepas paras minima ini. Prestasi terus meningkat hingga pada audit ke enam dimana semua kumpulan menunjukkan prestasi yang sangat cemerlang



## HASIL KAJIAN IMPAK AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI QE/5S DI PUSAT KESIHATAN

Soal selidik berkenaan tahap pemahaman staf Pusat Kesihatan terhadap amalan 5S dan tahap keseronokan bekerja sebelum dan selepas 5S dilaksanakan telah dijalankan dan hasil soal selidik tersebut seperti rajah di bawah.



## SIDANG REDAKSI

### Penaung

Y Bhg. Prof. Dato' Dr Abdullah Mohamad Said

### Penasihat

Dr Zaiton Nasir

### Ketua Editor

Dr Adibah Mokhtar

### Sumbangan artikel

Dr Hasanah Bahar

Nor Azlina Nawawi

Norazah Padil

Ros Haslina Kamaruddin

Nurazreen Amil

Nur Deilla Razali

### Konsep dan Rekabentuk

Dr Dzulkifli Sahlan

## TAHNIAH KEPADA SEMUA PEMENANG AKTIVITI PROMOSI 5S

Beberapa pertandingan telah diadakan pada setiap kali audit dijalankan bertujuan menggalakkan penambahbaikan dan inovasi kumpulan. Aktiviti ini telah berjaya meningkatkan semangat dan minat staf terhadap peningkatan produktiviti secara 'kaizen' dan inovasi. Ini dibuktikan melalui kedudukan kumpulan yang dipaparkan dari dapatan audit yang telah dilakukan sebanyak enam kali dimana geraf pencapaian setiap kumpulan sentiasa meningkat.

### PERTANDINGAN SUDUT 5S PALING KREATIF



Tempat Pertama  
Kumpulan Nilam



Tempat Ke 2  
Kumpulan Kecubung



Tempat Ke 3  
Kumpulan Zamrud

### PERTANDINGAN TANDAS TERBERSIH



Tempat Pertama  
Tandas 3 Kumpulan Delima



Tempat Ke 2  
Tandas 8 Kumpulan Berlian



Tempat Ke 3  
Tandas 5 Kumpulan Kecubung


### PERTANDINGAN TULANG FAIL KREATIF



Tempat Pertama  
Kumpulan Zamrud



Tempat Ke 2  
Kumpulan Kecubung



Tempat Ketiga  
Kumpulan Delima

### PERTANDINGAN KUMPULAN PALING CEMERLANG



Tempat Pertama  
Kumpulan Nilam



Tempat Kedua  
Kumpulan Delima



Tempat Ketiga  
Kumpulan Zamrud